A

PP lwn. ROSLAN YAHYA

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
NORDIN HASSAN PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 42LB(A)-18-05-2014]
8 DISEMBER 2014

B

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Rasuah – Memberi suapan secara rasuah – Elemen-elemen kesalahan – Sama ada perbuatan 'memberi' suapan dibuktikan – Sama ada anggapan bahawa suapan adalah secara rasuah sebagai dorongan untuk melakukan suatu perbuatan terpakai – Sama ada tujuan pemberian wang perlu dibuktikan – Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, s. 50(1)*

C

KETERANGAN: *Saksi – Kegagalan memanggil saksi – Pertuduhan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 – Keperluan memanggil saksi – Sama ada budi bicara pihak pendakwaan – Sama ada kesemua nama-nama dalam pertuduhan perlu dipanggil untuk memberikan keterangan – Sama ada kegagalan memanggil saksi mewujudkan kelompangan dalam kes pendakwaan – Sama ada s. 114(g) Akta Keterangan 1950 terpakai*

D

Tertuduh telah dituduh di bawah s. 16(b)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM') bagi kesalahan secara rasuah memberi suapan iaitu RM30,000 kepada SP5 untuk isteri SP5, Noor Amiza, menarik balik pertuduhan kes gangguan seksual terhadap tertuduh. Tertuduh mendapatkan bantuan SP2 dan SP4 untuk berhubung dengan SP5 untuk membuat tawaran tersebut dan SP2 juga telah kemudiannya menyerahkan wang tersebut kepada SP5. Di akhir kes pendakwaan, Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah gagal membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh atas alasan-alasan (i) tiada keterangan yang menunjukkan bahawa Noor Amiza telah terdorong untuk menarik balik pertuduhan terhadap tertuduh hasil daripada pemberian suapan RM30,000 tersebut; dan (ii) kegagalan memanggil Noor Amiza untuk memberi keterangan telah membangkitkan inferens menentang terhadap pihak pendakwaan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950 ('Akta'). Oleh itu, tertuduh dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri. Pihak pendakwaan merayu terhadap keputusan tersebut.

E

F

G

Diputuskan (membenarkan rayuan perayu):

H

(1) Seksyen 50(1) ASPRM memperuntukkan, antara lain, sekiranya telah dibuktikan perbuatan 'memberi' suapan seperti wang tunai, maka anggapan adalah terpakai iaitu suapan tersebut diberikan secara rasuah sebagai dorongan untuk melakukan suatu perbuatan seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan kecuali dibuktikan sebaliknya. Seksyen tersebut terpakai kepada mana-mana orang dan tidak hanya terhad kepada penjawat awam seperti di bawah s. 14 Akta Pencegah Rasuah 1961. Anggapan di bawah s. 50(1) adalah suatu anggapan undang-undang

I

dan hendaklah digunakan oleh mahkamah. Pihak pendakwaan hanya perlu membuktikan pemberian wang rasuah dan tidak lebih dari itu bagi pemakaian 'anggapan' ini. (perenggan 35, 40 & 41)

(2) Hujahan tertuduh bahawa pendakwaan bukan sahaja perlu membuktikan pemberian wang tetapi tujuan pemberian wang tersebut salah di sisi undang-undang, adalah bertentangan dengan peruntukan s. 50(1) ASPRM. Hujahan ini, jika diterima, akan memerlukan pihak pendakwaan membuktikan kes pendakwaan seperti kes-kes jenayah yang lain seperti biasa dan tidak membawa apa-apa makna kepada peruntukan s. 50(1) ASPRM yang digubal khusus untuk kes-kes rasuah. (perenggan 44 & 45)

(3) Keterangan saksi-saksi telah membuktikan bahawa wang RM30,000 telah diserahkan kepada SP5 melalui SP2. Oleh demikian 'anggapan' di bawah s. 50(1) ASPRM adalah terpakai. Dengan itu, fakta bahawa wang tersebut diberikan secara rasuah sebagai dorongan untuk Noor Amiza menarik balik pertuduhan gangguan seksual terhadap tertuduh adalah dianggap terbukti kecuali dibuktikan sebaliknya. Tertuduh perlu mematahkan anggapan fakta ini pada imbangan kebarangkalian apabila tertuduh memberi keterangan di peringkat kes pembelaan. (perenggan 47, 54 & 55)

(4) Pihak pendakwaan mempunyai budi bicara untuk memanggil saksi-saksi yang diperlukan bagi membuktikan kes pendakwaan tetapi perlu memastikan tiada apa-apa kelompangan pada kes pihak pendakwaan. Oleh itu, tidak menjadi satu kemestian untuk memanggil nama-nama yang disebut dalam sesuatu pertuduhan untuk memberikan keterangan sekiranya kes pihak pendakwaan dapat dibuktikan tanpa keterangan saksi-saksi tersebut. (perenggan 51)

(5) Noor Amiza juga telah ditawarkan kepada pihak pembelaan di akhir kes pendakwaan dan dengan itu, tidak timbul isu melindungi atau menyembunyikan keterangan oleh pihak pendakwaan. Peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai terhadap pendakwaan kerana tidak memanggil Noor Amiza untuk memberikan keterangan. Kegagalan memanggil Noor Amiza sebagai saksi tidak memprejudiskan atau membawa sebarang kekurangan atau ketidakadilan kepada pihak pembelaan. Oleh itu, keputusan HMS menggunapakai s. 114(g) terhadap pendakwaan adalah satu kekhilafan. (perenggan 56, 57 & 62)

(6) Berdasarkan peruntukan s. 16(b)(A) ASPRM dan keputusan-keputusan mahkamah sebelumnya, adalah jelas bahawa pihak pendakwaan dalam kes ini tidak perlu membuktikan bahawa Noor Amiza telah terdorong untuk menarik balik pertuduhan hasil daripada pemberian suapan RM30,000 tersebut. (perenggan 66)

(7) Wang tunai termasuk di bawah definisi suapan di bawah s. 3 ASPRM. Apa yang perlu dibuktikan adalah hanya pemberian wang tunai RM30,000 kepada SP5. Walaupun ada disebutkan wang pampasan, ia tetap merupakan suapan di bawah definisi s. 3 ASPRM. (perenggan 67 & 68)

(8) Berdasarkan penilaian maksima terhadap keterangan pihak pendakwaan dan pemakaian s. 50(1) ASPRM walaupun tanpa keterangan rakaman perbualan telefon antara SP5 dan SP2, pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes *prima facie* terhadap tertuduh bagi kesalahan di bawah s. 16(b)(A) ASPRM. Tertuduh oleh itu dipanggil untuk membela diri bagi pertuduhan di bawah s. 16(b)(A) ASPRM. (perenggan 70 & 71)

Kes-kes yang dirujuk:
Attan Abdul Gani v. PP [1969] 1 LNS 12 HC ***(dirujuk)***
Khoon Chye Hin v. PP [1961] 1 LNS 41 HC ***(dirujuk)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
PP v. Jamil Mahmod & Anor [1998] 1 LNS 312 HC ***(dirujuk)***
PP v. You Kong Lai [1984] 1 CLJ 379; [1984] 2 CLJ (Rep) 429 HC ***(dirujuk)***
PP v. Yuvaraj [1968] 1 LNS 116 PC ***(dirujuk)***
PP v. Zakaria Mansor [1996] 1 LNS 107 HC ***(dirujuk)***
PP v. Zul Hassan & Yang Lain [2013] 7 CLJ 141 CA ***(dirujuk)***
Siti Aishah Sheikh Abd Kadir v. PP [2014] 1 CLJ 1058 CA ***(dibezakan)***
Thavanathan Balasubramaniam v. PP [1997] 3 CLJ 150 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Anti-Corruption Act 1997, ss. 15(1), 42
Evidence Act 1950, s. 114(g)
Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009, ss. 16(b)(A), 43(1), 50(1)
Penal Code, s. 354
Prevention of Corruption Act 1961, s. 14

Bagi pihak perayu - Nor Azah Kasran; TPR
Bagi pihak responden - Athimulan (Ashok & S Anthonysamy bersamanya); T/n Athimulan & Co

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Nordin Hassan PK:

Pendahuluan

[1] Ini adalah rayuan Pendakwa Raya ('perayu') terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen ('HMS') yang memutuskan tertuduh ('responden') dilepaskan dan dibebaskan di akhir kes pendakwaan bagi pertuduhan memberi suapan berjumlah RM30,000 iaitu suatu kesalahan di bawah s. 16(b)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 ('ASPRM').

Ringkasan Fakta

[2] Pada 7 Mei 2010, satu laporan polis berhubung kes gangguan seksual telah dibuat oleh Noor Amiza binti Azmee terhadap tertuduh yang ketika itu menjawat jawatan Pegawai Daerah, Pejabat Tanah dan Daerah Seberang Perai Tengah. Ketika itu Noor Amiza adalah pembantu tadbir di pejabat tanah tersebut dan semasa kejadian, pembantu tadbir di pejabat tanah tersebut dan semasa kejadian, beliau menggantikan tugas pembantu khas tertuduh yang sedang bercuti.

[3] Seterusnya arahan pertuduhan di bawah s. 354 Kanun Keseksaan terhadap tertuduh telah diberikan oleh Pendakwa Raya. Pada tarikh sebutan untuk pertuduhan tersebut dibuat iaitu pada 20 Disember 2012, tertuduh tidak hadir dan kes ditangguhkan kepada 4 Januari 2013.

[4] Sementara itu, pada 26 Disember 2012 tertuduh menghubungi Zainal Abidin bin Saad ('SP4') pembantu khas kepada Timbalan Ketua Menteri 1, Pulau Pinang untuk membantu tertuduh kerana dikatakan tertuduh telah dianiaya.

[5] Tertuduh telah menghubungi SP4 beberapa kali dan meminta bantuan SP4 untuk kes terhadap tertuduh yang dikatakan dianiaya itu ditarik balik. Tertuduh juga meminta SP4 berjumpa dengan suami kepada seorang wanita yang dikatakan menganiaya tertuduh.

[6] SP4 kemudiannya telah meminta bantuan rakannya Mohd Shukri bin Abdul Hamid ('SP2') untuk membantu tertuduh dan SP4 telah menemukan tertuduh dan SP2 di sebuah kedai kopi di Sungai Petani di mana tertuduh telah berbincang dengan SP2 mengenai kesnya.

[7] Semasa pertemuan di kedai kopi Sungai Petani ini juga, tertuduh telah meminta SP2 berjumpa dengan suami kepada Noor Amiza binti Azmee iaitu Adle bin Ismail ('SP5') untuk menarik balik kes mahkamah terhadap tertuduh. Tertuduh juga menyatakan akan menyediakan RM20,000 untuk diberikan kepada SP5 bagi menarik balik pertuduhan terhadap tertuduh.

[8] Pada 2 Januari 2013 SP2 telah berjumpa dengan SP5 di sebuah restoran tomyam di Kulim di mana SP2 memaklumkan mengenai tawaran wang pampasan sebanyak RM20,000 oleh tertuduh setelah SP5 menandatangani surat untuk menarik balik kes terhadap tertuduh. SP5 hanya berdiam diri dan mengatakan kepada SP2 bahawa perkara ini melibatkan maruah isterinya.

[9] Selepas pertemuan dengan SP5 ini dan apabila pulang di rumah, SP2 telah menghubungi tertuduh dan memaklumkan kepada tertuduh bahawa SP5 akan fikirkan tawaran yang dibuat oleh tertuduh.

[10] Seterusnya pada lebih kurang pukul 12 malam, 3 Januari 2013, tertuduh menghubungi SP2 dan bertanya mengenai SP5 di mana SP2 mengatakan SP5 hanya diam sahaja. Tertuduh kemudiannya memaklumkan kepada SP2 jumlah tawaran yang dibuat dinaikkan daripada RM20,000 kepada RM30,000.

[11] SP2 juga telah memaklumkan tawaran baru berjumlah RM30,000 oleh tertuduh ini kepada SP5 melalui pesanan ringkas (SMS) tetapi tiada apa-apa maklum balas yang diterima dari SP5.

[12] Dalam pada itu, SP5 telah berhubung dengan pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ('SPRM') berkaitan tawaran wang yang dibuat oleh tertuduh tersebut dan seterusnya pada 3 Januari 2013 satu laporan SPRM ('P3') telah dibuat oleh SP5.

[13] Selanjutnya atas arahan pihak SPRM, pada lebih kurang 9 malam 3 Januari 2013, SP5 telah menelefon SP2 untuk mengesahkan penawaran wang yang dibuat oleh tertuduh dan apa tindakan yang perlu SP5 lakukan jika bersetuju menerima tawaran wang dari tertuduh tersebut. SP2 kemudian meminta SP5 berjumpa dengannya di Restoran Makbul, Seberang Jaya. SP2 juga meminta SP5 membawa isterinya bersama dalam perjumpaan berkenaan. Sehubungan dengan perkembangan ini, pihak SPRM telah mengatur satu operasi untuk menangkap SP5 dan tertuduh. Perbualan antara SP5 dan SP2 ini telah dirakamkan oleh pihak SPRM.

[14] SP2 seterusnya telah memaklumkan kepada tertuduh persetujuan SP5 untuk berjumpa dengan SP2 dan tertuduh telah meminta SP2 berjumpa tertuduh di hadapan Hospital Seberang Jaya. SP5 kemudian telah ke tempat yang dijanjikan dengan tertuduh menaiki kereta SP4.

[15] Di hadapan Hospital Seberang Jaya, tertuduh telah tiba di situ dan memanggil SP2 dan SP4 masuk ke dalam kereta tertuduh. Di dalam kereta berkenaan tertuduh telah menyerahkan satu (1) bungkusan yang mengandungi wang RM30,000 kepada SP2 untuk diserahkan kepada SP5.

[16] Selepas itu, SP2 telah ke Restoran Makbul bersama SP4 untuk berjumpa SP5 dan isterinya. Di hadapan Restoran Makbul, hanya SP2 yang turun dan menuju ke Restoran Makbul sementara SP4 menunggu di dalam keretanya.

[17] Di Restoran Makbul tersebut, SP2 telah bertemu dengan SP5 dan isterinya. SP2 seterusnya memaklumkan bahawa tertuduh akan berjumpa SP5 dan isterinya setelah surat akuan untuk menarik balik kes terhadap tertuduh ditandatangani dan wang RM30,000 diterima oleh SP5 dan isterinya.

[18] Seterusnya, wang RM30,000 tersebut diserahkan oleh SP2 kepada SP5 dan diterima oleh SP5. Isteri SP5 kemudiannya menandatangani empat salinan surat akuan (P11a-d) yang kandungannya menarik balik pertuduhan gangguan seksual terhadap tertuduh.

[19] Setelah surat akuan berkenaan ditandatangani, SP5 telah memberi isyarat kepada pegawai-pegawai SPRM yang berada di restoran tersebut lalu SP2 ditahan oleh pihak SPRM.

[20] Pihak SPRM juga telah meminta SP2 menelefon tertuduh yang berada di kawasan tersebut dan apabila tertuduh tiba di restoran berkenaan, tertuduh juga ditahan oleh pihak SPRM. Pihak SPRM juga menahan SP4 yang berada di dalam keretanya di hadapan restoran tersebut.

[21] Selanjutnya, tertuduh telah dituduh di bawah s. 16(b)(A) ASPRM bagi kesalahan secara rasuah memberi suapan iaitu RM30,000 kepada SP5 untuk isteri SP5 Noor Amiza menarik balik pertuduhan kes gangguan seksual terhadap tertuduh.

[22] Setelah kes dibicarakan dan di akhir kes pendakwaan, HMS memutuskan pihak pendakwaan gagal membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh dan oleh itu tertuduh dilepaskan dan dibebaskan tanpa dipanggil untuk membela diri.

[23] Di antara alasan-alasan HMS membuat keputusan sedemikian adalah:

(ii) tiada keterangan yang menunjukkan isteri SP5 telah terdorong untuk menarik balik pertuduhan terhadap tertuduh hasil dari pemberian suapan RM30,000 tersebut.

(ii) kegagalan memanggil isteri SP5 untuk memberi keterangan telah membangkitkan inferens menentang terhadap pihak pendakwaan di bawah s. 114(g) Akta Keterangan 1950.

Hujah Pihak Pendakwa

[24] Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') berhujah bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh. Dihujahkan elemen pertuduhan bagi kesalahan di bawah s. 16(b)(A) ASPRM telah dibuktikan melalui keterangan saksi-saksi pendakwaan. Pendakwaan telah membuktikan:

(i) responden telah memberikan wang tunai RM30,000 kepada SP5 melalui SP2.

(ii) wang tersebut telah diberikan secara rasuah.

(iii) wang tersebut diberikan sebagai dorongan untuk Noor Amiza iaitu isteri SP5 untuk menarik balik pertuduhan terhadap tertuduh bagi gangguan seksual tertuduh terhadap Noor Amiza.

[25] Pihak pendakwaan juga berhujah bahawa HMS terkhilaf apabila gagal menggunapakai andaian s. 50(1) ASPRM sedangkan elemen 'memberi suapan' iaitu tertuduh memberi RM30,000 kepada SP5 telah dibuktikan. Oleh itu dengan peruntukan s. 50(1) ini, anggapan yang timbul setelah elemen pemberian suapan terbukti adalah tertuduh memberikan suapan tersebut secara rasuah sebagai dorongan untuk pertuduhan terhadap tertuduh ditarik balik.

[26] Seterusnya dihujahkan HMS terkhilaf apabila memakai peruntukan s. 114(g) terhadap pendakwaan kerana kegagalan memanggil Noor Amiza binti Azmee untuk memberi keterangan dan hanya ditawarkan kepada pihak pembelaan. TPR berhujah bahawa pihak pendakwaan telah membuktikan kes pendakwaan melalui saksi-saksi lain tanpa terputusnya rantaian keterangan walaupun Noor Amiza tidak dipanggil memberi keterangan. Oleh yang demikian s. 114(g) tidak terpakai dalam kes pendakwaan ini.

[27] TPR juga berhujah bahawa HMS khilaf apabila menyatakan bahawa pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa Noor Amiza terdorong (induced) untuk menarik balik pertuduhan terhadap tertuduh hasil dari pemberian wang suapan RM30,000 tersebut.

Hujah Pihak Pembelaan

[28] Peguam tertuduh pula berhujah bahawa anggapan s. 50(1) ASPRM tidak terpakai dalam kes ini kerana pemberian 'wang suapan' semata-mata tidak mencukupi untuk s. 50(1) terpakai. Dihujahkan pihak pendakwaan perlu membuktikan tujuan wang suapan yang diterima tersebut adalah salah di sisi undang-undang sebelum s. 50(1) terpakai.

Kes Mahkamah Rayuan *PP v. Zul Hassan & Yang Lain* [2013] 7 CLJ 141 dipetik bagi menyokong hujah pihak pembelaan ini.

[29] Dihujahkan juga bahawa kegagalan memanggil Noor Amiza memberi keterangan untuk kes pendakwaan menyebabkan s. 114(g) Akta Keterangan adalah terpakai. Nama Noor Amiza juga ada dinyatakan dalam pertuduhan dan oleh itu Noor Amiza perlu memberi keterangan bagi kes pendakwaan.

[30] Peguam juga berhujah wang RM30,000 berkenaan adalah hanya merupakan wang pampasan dan bukan wang rasuah kepada SP5. Selain itu dihujahkan juga keterangan rakaman perbualan telefon antara SP5 dan SP2 tidak boleh diterima sebagai keterangan kerana tiada izin di bawah s. 43(1) ASPRM yang diperolehi.

[31] Selanjutnya, peguam berhujah bahawa kesimpulannya, pihak pendakwaan gagal membuktikan satu kes *prima facie* dan oleh itu keputusan HMS tidak memanggil tertuduh untuk membela diri adalah betul.

Dapatan Dan Keputusan Mahkamah

Isu Anggapan s. 50(1) ASPRM

[32] Seksyen 50(1) ASPRM memperuntukkan:

> Jika dalam mana-mana prosiding terhadap mana-mana orang atau sesuatu kesalahan di bawah seksyen 16, 17, 18, 20, 21, 22 atau 23 adalah dibuktikan bahawa apa-apa suapan telah diterima atau dipersetujui untuk diterima, disetuju terima atau dipersetujui untuk disetuju terima, diperoleh atau cuba diperoleh, diminta, diberikan atau dipersetujui untuk diberikan, dijanjikan, atau ditawarkan oleh atau kepada tertuduh, suapan

itu hendaklah dianggap telah diterima atau dipersetujui untuk diterima, disetuju terima atau dipersetujui untuk disetuju terima, diperoleh atau cuba diperoleh, diminta, diberikan atau dipersetujui untuk diberikan, dijanjikan atau ditawarkan secara rasuah sebagai suatu dorongan atau upah bagi atau kerana perkara-perkara yang dinyatakan dalam butir-butir kesalahan itu, melainkan jika akasnya dibuktikan.

[33] Wang tunai adalah termasuk di bawah definisi 'suapan' di bawah s. 3 ASPRM.

[34] Berdasarkan peruntukan s. 50(1) ini, antara lain, sekiranya telah dibuktikan perbuatan 'memberi' suapan seperti wang tunai, maka anggapan adalah terpakai iaitu suapan tersebut adalah diberikan secara rasuah sebagai dorongan untuk melakukan suatu perbuatan seperti dinyatakan dalam pertuduhan kecuali dibuktikan sebaliknya.

[35] Peruntukan s. 50(1) ini adalah jelas dan tidak perlu diberikan interpretasi yang berbeza iaitu antara lain hanya elemen pemberian wang suapan sahaja mencukupi untuk menggunapakai anggapan di bawah s. 50(1) ini.

[36] Peruntukan undang-undang berhubung ('anggapan' di bawah s. 50(1) ASPRM ini merupakan suatu peruntukan yang dikemaskini dari peruntukan yang telah sedia ada dalam undang-undang pencegahan rasuah sebelum ini iaitu s. 14 Akta Pencegahan Rasuah 1961 dan s. 42 Akta Pencegah Rasuah 1997.

[37] Nas undang-undang dari keputusan mahkamah-mahkamah sehingga peringkat Mahkamah Agung (ketika itu) telah memberi penjelasan berhubung pemakaian peruntukan 'anggapan' yang dinyatakan ini.

[38] Seawal kes *PP v. Yuvaraj* [1968] 1 LNS 116; [1969] 2 MLJ 89 dalam keputusan Privy Council, Lord Diplock menjelaskan di ms. 90 dan 91 seperti berikut:

... where a defendant is charged with an offence under section 4 (a) of the Prevention of Corruption Act 1961, to which section 14 also applied, the onus lies upon the prosecution to prove the first two factual ingredients of the offence *viz.* (1) that a gratification was paid or given to or received by the defendant and (2) that at the time of the payment, gift, or receipt, he was in the employment of a public body. Upon proof of these two ingredients the evidence of the third ingredient, *viz*. (3) that the gratification was paid of given or received corruptly as an inducement or reward for doing or forbearing to do an act in relation to the affairs of that public body, is to be presumed unless the contrary is proved.

[39] Lord Diplock seterusnya menjelaskan bahawa pada amnya, dalam prosiding jenayah, tiada beban yang diletakkan kepada tertuduh untuk membuktikan atau menyangkal sesuatu fakta tetapi apabila undang-undang itu sendiri telah memperuntukkannya, maka ianya adalah terpakai. Walau bagaimanapun anggapan di bawah s. 14 ini boleh disangkal pada imbangan kebarangkalian. Di ms. 92 kes yang sama dinyatakan:

> Generally speaking, no onus lies upon a defendant in criminal proceedings to prove or disprove any fact: it is sufficient for his acquittal if any of the facts which if they existed would constitute the offence with which he is charged are "not proved". But exceptionally, as in the present case, an enactment creating an offence expressly provide that, if other facts are proved, a particular fact, the existence of which is a necessary factual ingredient of the offence, shall be presumed or deemed, to exist "unless the contrary is proved". In such a case the consequence of finding that, that particular fact is "disproved" will be an acquittal, whereas the absence of such a finding will have the consequence of a conviction. Where this is the consequence of a fact's being "disproved" there can be no grounds in public policy for requiring that exceptional degree of certainty as exclude all reasonable doubt that, that fact does not exist. In Their Lordships opinion the general rule applies in such a case and it is sufficient, if the court considers that upon the evidence before it, it is more likely than not that, the fact does not exist. The test, is the same as that applied in civil proceedings; the balance of probabilities. This was the test, which was proved by the Court of Criminal Appeal *in R v. Carr-Briant* a case upon a provision in an English statute in similar terms to that contained in section 14 of the Malaysian Prevention of Corruption Act 1961.

[40] Berbeza sedikit dengan peruntukan s. 50(1) ASPRM, ianya terpakai kepada mana-mana orang dan tidak hanya terhad kepada penjawat awam seperti di bawah s. 14 Akta Pencegah Rasuah 1961 ini.

[41] Seterusnya, anggapan di bawah s. 50(1) ini adalah suatu anggapan undang-undang dan hendaklah digunakan oleh mahkamah. Pihak pendakwaan hanya perlu membuktikan pemberian wang rasuah dan tidak lebih dari itu bagi pemakaian 'anggapan' ini.

[42] Dalam kes *Attan bin Abdul Gani v. PP* [1969] 1 LNS 12; [1970] 2 MLJ 143, Hakim Sharma menjelaskan:

> Once it is prove that the gratification has been paid or received then in the words of section 14 of the Act "such gratification shall be deemed to have been paid of given or received corruptly ..." The presumption at once arises under the section.
>
> This presumption is a presumption of law and it is obligatory on the court to raise it in every proceeding for an offence under section 3 or 4 of the Act provided it is proved that the gratification had been paid, given or received. The prosecution has not to establish anything more than the payment of money. (See *State of Madras v. Vaidyanatha Iyer* and *Emden v. State of Uttar Pradesh*). It then becomes the duty of the accused to disprove what section 14 begins to presume against him.

(Lihat juga kes *PP v. Nor bin Hamid* [2004] 5 MLJ 97 dan *Pendakwa Raya v. Zakaria bin Mansor* [1996] 1 LNS 107; [1997] 5 MLJ 505).

[43] Mahkamah Persekutuan juga dalam kes *Thavanathan Balasubramaniam v. PP* [1997] 3 CLJ 150 telah mengesahkan pemakaian peruntukan 'anggapan' ini seperti dijelaskan dalam kes *PP v. Yuvaraj (supra)* dan *Attan bin Abdul Ghani v. PP (supra)* apabila menyatakan:

In any event, in the instant case, once it is proved that the money RM15,000 had been given to or received by the accused the presumption under s. 14 of the Act arose that the money had been given and received corruptly as an inducement or reward to acquit and discharge PW2 of the offence in the criminal case. It was then for the accused to give an innocent explanation which the Court considered more likely than not that it was true.

[44] Oleh yang demikian, hujah pihak tertuduh bahawa pendakwaan bukan sahaja perlu membuktikan pemberian wang RM30,000 sahaja tetapi tujuan pemberian wang tersebut salah di sisi undang-undang adalah bertentangan dengan peruntukan s. 50(1) ASPRM dan keputusan mahkamah termasuk Mahkamah Persekutuan.

[45] Sekiranya hujah peguam ini diterima, ianya akan memerlukan pihak pendakwaan membuktikan kes pendakwaan seperti kes-kes jenayah yang lain seperti biasa dan tidak membawa apa-apa makna kepada peruntukan s. 50(1) ASPRM yang digubal khusus untuk kes-kes rasuah.

[46] Isu yang dibangkitkan oleh peguam ini juga sebenarnya telah dibangkitkan dalam kes *PP v. Yuvaraj (supra)* dan ditolak oleh mahkamah seperti diperjelaskan oleh Lord Diplock di ms. 92 seperti berikut:

It has been suggested that to satisfy the court that upon the balance of probabilities a fact does not exist puts too high a burden upon a defendant in criminal proceedings where the consequence of a failure to disapprove that fact would be his conviction, and in some of the cases cited by the Federal Court without explicit disapproval expressions are used which might be understood as calling for an explanation by the defendant of no greater degree of plausibility than is sufficient to raise a reasonable doubt in the existence of the fact which he must disprove. But this is the best by which in the allowance of any statutory provision reversing the burden of proof the court determine whether a fact the existence of which is a necessary ingredient of a criminal offence has been "proved" or "not proved" by the prosecution upon when the onus lies to prove it. It is merely another way of saying that the prosecution must not only prove the existence of this first two factual ingredient of the offence, *viz.* (1) that a gratification was paid or given to or received by the defendant and (2) that at the time of the payment, gift or receipt, he was in the employment of a public body but must also satisfy the court that the circumstance in which the gratification was paid, given or received give rise beyond reasonable doubt to an inference or fact that it was paid given or received with a corrupt motive. This is the ordinary way in which the prosecution satisfied the burden of proving the motive with which at act was done by the defendant where the onus of doing so lies upon this prosecution. In Their Lordships view it gives no sufficient effect to the reversal of the ordinary onus of proof by an express statutory provision that a fact which constitute an ingredient of a criminal offence shall be deemed to exist "unless the contrary as proved.

[47] Berbalik kepada kes terhadap tertuduh, keterangan SP2, SP4 dan SP5 telah membuktikan bahawa wang RM30,00 telah diserahkan kepada SP5 melalui SP2. Oleh yang demikian 'anggapan' di bawah s. 50(1) ASPRM adalah terpakai iaitu wang tersebut diberikan secara rasuah sebagai dorongan untuk Noor Amiza binti Azmee iaitu isteri SP5 menarik balik pertuduhan gangguan seksual terhadap tertuduh.

[48] Berhubung dengan kes Mahkamah Rayuan, *PP lwn. Zul Hassan & Yang Lain (supra)* yang digunapakai oleh peguam tertuduh, penelitian mahkamah mendapati kes Mahkamah Persekutuan, *Thavanathan a/l Subramaniam v. PP (supra)* dan kes *PP v. Yuvaraj (supra)* tidak dirujuk dalam kes ini. Mahkamah ini masih terikat dengan prinsip undang-undang berhubung 'anggapan' ini seperti yang diputuskan dalam kes Mahkamah Persekutuan *Thavanathan v. PP* berkenaan.

[49] Berkaitan isu ini juga, HMS terkhilaf apabila menyatakan dalam alasan penghakimannya bahawa pihak pendakwaan perlu membuktikan wang RM30,000 tersebut diberi secara rasuah dan wang tersebut adalah sebagai dorongan untuk menarik balik pertuduhan terhadap tertuduh sebelum anggapan di bawah s. 50(1) terpakai. Ini dinyatakan di ms. 9 alasan penghakiman seperti berikut:

> It is incumbent upon the prosecution in a charge pursuant to s. 16(b)(A) of the Act to prove the following ingredients for the purpose of establishing a *prima* case against the accused.
>
> 1. The accused gave the gratification of RM30,000 to SP5 through SP4.
> 2. It was given corruptly.
> 3. The gratification was given corruptly as an inducement for Noor Amiza to withdraw her police report against the accused.
>
> An upon proof the above ingredients, the statutory presumption under s. 50 of the Act would be activated and the accused is presumed, until the contrary is proven, to have given the gratification corruptly.

Seksyen 114(g) Akta Keterangan 1950

[50] Berhubung s. 114(g) Akta Keterangan, undang-undang mantap adalah ianya terpakai apabila berlaku kegagalan memanggil saksi-saksi yang penting untuk membuktikan kes. lni diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221; [1987] 1 MLJ 492 seperti berikut:

> [1] It is essential to appreciate the scope of section 114(g) of the Evidence Act 1950 lest be carried to far outside its limit. Adverse inference under the illustration can only be drawn, if there is withholding or suppression of evidence and not merely on account of failure to obtain evidence. It may be drawn from withholding not just only document, but a material document by a party in his possesion or for non production of just any witness but only an important and material to the case.

[51] Berkaitan isu ini, pihak pendakwaan mempunyai budibicara untuk memanggil saksi-saksi yang diperlukan bagi membuktikan kes pendakwaan tetapi perlu memastikan tiada apa-apa kelompangan pada kes pendakwaan.

Oleh itu juga, tidak menjadi satu kemestian untuk memanggil nama-nama yang ada disebut di dalam sesuatu pertuduhan untuk memberi keterangan sekiranya kes pendakwaan dapat dibuktikan tanpa keterangan saksi-saksi ini.

[52] Dalam kes *Khoon Chye Hin v. PP* [1961] 1 LNS 41; [1961] 27 MLJ 195 di ms. 109, Thompson CJ menyatakan:

> It is, of course, well settled that in a criminal case prosecuting counsel, provided there is no wrong motive, has a discretion as to whether or not to call any particular witness and in particular has a discretion not to call in support of his case a witness whom he does not believe to be a witness of truth.
>
> In the case of *Reg v. Woodhead Alderson B* referred to:
>
> the rule which the Judges have lately laid down, that a prosecutor is not bound to call witnesses merely because their name are on the back of the indictment.
>
> He went on to say:
>
> The witness, however, should be here, because the prisoner might otherwise be misled, he might, from their name being on the bill, have relied on your bringing them here and have neglected to bring them himself. You ought therefore, to have them in court but they are to be called by party who wants their evidence.
>
> Again, in the case of *Reg. v Cassidy*, Parke B. said that he considered the correct principle was:
>
> > That counsel for the prosecution should call what witnesses he thought proper, and that, by having had certain witnesses examined before the grand jury whose name were on the back of the indictment, he only impliedly undertook to have them in court for prisoner to examine them, as his witness.

[53] Dalam kes terhadap tertuduh keterangan yang dikemukakan melalui saksi-saksi pendakwaan terutamanya SP2 dan SP5 dapat membuktikan kes pendakwaan dan elemen-elemen pertuduhan.

[54] Apa yang lebih penting, apabila telah dibuktikan pemberian wang RM30,000 kepada SP5, melalui anggapan s. 50(1) ASPRM, fakta wang tersebut diberi secara rasuah untuk mendorong Noor Amiza menarik balik pertuduhan terhadap tertuduh dianggap terbukti kecuali dibuktikan sebaliknya.

[55] Tertuduh perlu mematahkan anggapan fakta ini pada imbangan kebarangkalian apabila tertuduh memberi keterangan di peringkat kes pembelaan.

[56] Selain itu Noor Amiza juga telah ditawarkan kepada pihak pembelaan di akhir kes pendakwaan. Oleh itu tidak timbul isu melindungi atau menyembunyikan keterangan (suppression the evidence) oleh pihak pendakwaan.

[57] Berdasarkan fakta dan nas-nas undang-undang yang dinyatakan, peruntukan s. 114(g) Akta Keterangan 1950 tidak terpakai terhadap pendakwaan kerana tidak memanggil Noor Amiza untuk memberi keterangan. Oleh itu juga, keputusan HMS menggunapakai s. 114(g) terhadap pendakwaan dalam kes ini adalah satu kekhilafan.

[58] Berkaitan kes Mahkamah Rayuan, *Siti Aishah Sheikh Abd. Kadir v. PP* [2014] 1 CLJ 1058; [2013] 6 MLJ 86 yang digunapakai oleh peguam tertuduh berhubung isu s. 114(g) ini, mahkamah berpendapat kes berkenaan boleh dibezakan.

[59] Fakta dalam kes tersebut adalah berbeza dengan kes terhadap tertuduh. Dalam kes berkenaan pertuduhan terhadap tertuduh adalah di bawah s. 15(1) Akta Pencegahan Rasuah 1997 kerana kesalahan mengunakan jawatan tertuduh untuk mendapatkan suapan iaitu dengan memilih syarikat di mana suami tertuduh mempunyai kepentingan bagi membekalkan cenderamata kepada Perpustakaan Negara Malaysia.

[60] Nama suami tertuduh, Isa bin Halilhan dinyatakan dalam pertuduhan dan keterangan beliau adalah perlu bagi menunjukkan kepentingan dalam syarikat berkenaan dan hubungan beliau dengan tertuduh. Selain itu, beliau juga boleh memberi keterangan berhubung dengan pemberian tender oleh Perpustakaan Negara Malaysia berkenaan.

[61] Oleh itu Mahkamah Rayuan memutuskan keterangan suami tertuduh adalah penting bagi kes pendakwaan seperti dinyatakan di ms. 92, para. 9 kes berkenaan:

> [9] As a material witness, M. lsa bin Halilhan should be called by the prosecution. The non calling of this witness has prejudiced or disadvantaged the defence. And s. 114(g) of the Evidence Act 1950 should be involved against the prosecution. To borrow the words of Lord Roche in *Seneviratne v. R* [1936] 3 All ER 36 at page 37(PC) the calling of lsa bin Halilhan was 'essential to the unfolding of the narrative on which the prosecution case is based' or in the sage words of the brilliant judge Mohamad Azmi SCJ in *Munusamy v. PP* [1987] 1 MLJ 492 at page 494 (SC) as 'an important and material witness to the case.

[62] Dalam kes terhadap tertuduh, fakta kesnya adalah jauh berbeza dan tanpa memanggil Noor Amiza sebagai saksi tidak memprejudis atau membawa sebarang kekurangan atau ketidakadilan kepada pihak pembelaan. Keterangan Noor Amiza juga tidak penting bagi menunjukkan naratif kes pendakwaan.

Isu Sama Ada Pihak Pendakwaan Perlu Membuktikan Noor Amiza Terdorong Untuk Menarik Balik Pertuduhan Hasil Dari Pemberian Wang Suapan RM30,000 Berkenaan

[63] HMS dalam alasan penghakimannya menyatakan bahawa pihak pendakwaan perlu membuktikan bahawa Noor Amiza telah terdorong untuk menarik balik pertuduhan akibat dari pemberian suapan RM50,000 tersebut.

Di ms. 12, alasan penghakiman dinyatakan seperti berikut:

> With respect it is the view of this court that the prosecution could not merely offer Noor Amiza as a witness to the defence. There was a serious doubt whether Noor Amiza was acting on the instructions of her husband or whether she had been induced by the offer of the gratification. A reasonable doubt had been created at this stage of the proceeding. It is imperative that the prosecution must call her and there must be evidence directly from her that she was induced to accept the gratification from the accused and that she was induced to sign the Surat Akuan.

[64] Berhubung isu ini, Hakim Shankar dalam kes *PP v. You Kong Lai* [1984] 1 CLJ 379; [1984] 2 CLJ (Rep) 429; [1985] 1 MLJ 298 telah menjelaskan bahawa pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan bahawa seseorang itu telah terdorong untuk melakukan sesuatu hasil dari pemberian suapan berkenaan.

Di ms. 300 kes berkenaan, dinyatakan:

> I hold that upon a proper construction of section 3(a)(1) of the Prevention of Corruption Act as applied to the facts of this case it is not necessary for the prosecution to prove that the D.O. was in fact induced to renew the licenses by reason of the payment of the gratification
>
> The key words in section 3 of the Act in the contact of the present case are:
>
> > Any person who shall ...
> >
> > (a) corruptly solicit or receive, ... for himself or for any other person any gratification as an in document to any member of a public body doing … anything … in which such public body is concerned should be guilty of an offence under this act.
> >
> > The presence of the word "solicitor" in the section, to my mind, clearly shows that if a person invites the payment of monies so that he may allegedly use the same to bribe a member of a public body, he has already committed an offence. The fact that the corrupt purpose was not carried out does not matter. Furthermore the section draws a distinction between a receipt by any person for himself or for any other person.

[65] Seterusnya dalam kes *PP v. Jamil bin Mahmod & Anor* [1998] 1 LNS 312; [1998] 4 MLJ 681 Hakim Jeffrey Tan juga mempunyai pandangan yang sama berhubung isu ini apabila menyatakan di ms. 690 seperti berikut:

A In a trial of a s. (3) offence, it is not necessary for the prosecution to prove that the gratification in fact induced the act or forbearance (*PP v. You Kong Lai*) …

[66] Oleh itu, berdasarkan peruntukan s. 16(b)(A) ASPRM dan keputusan mahkamah yang dihuraikan di atas, adalah jelas pihak pendakwaan dalam kes B ini tidak perlu membuktikan bahawa Noor Amiza telah terdorong untuk menarik balik pertuduhan hasil dari pemberian suapan RM30,000 berkenaan. HMS telah terkhilaf berhubung isu ini.

Isu Sama Ada Wang RM30,000 Adalah Wang Rasuah Atau Wang Pampasan

C **[67]** Pada peringkat kes pendakwaan ini apa yang utama adalah wang tunai adalah termasuk di bawah definisi suapan di bawah s. 3 ASPRM. Seterusnya setelah dibuktikan bahawa perbuatan pemberian suapan seperti dalam kes terhadap tertuduh, maka anggapan s. 50(1) ASPRM terpakai iaitu wang tersebut adalah diberikan secara rasuah untuk mendorong Noor Amiza menarik balik pertuduhan terhadap tertuduh.

D

[68] Sehubungan itu, apa yang perlu dibuktikan adalah hanya pemberian wang tunai RM30,000 kepada SP5. Walaupun ada disebutkan wang pampasan, ianya tetap merupakan suapan di bawah definisi s. 3 ASPRM.

[69] Adalah merupakan beban tertuduh untuk menyangkal anggapan E s. 50(1) ini pada imbangan kebarangkalian bahawa ianya bukan wang yang diberikan secara rasuah.

Kesimpulan

[70] Berdasarkan penilaian maksima terhadap keterangan pihak F pendakwaan dan pemakaian s. 50(1) ASPRM walaupun tanpa keterangan rakaman perbualan telefon antara SP5 dan SP2, mahkamah ini memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh bagi kesalahan di bawah s. 16(b)(A) ASPRM.

[71] Sehubungan dengan ini juga, tertuduh dipanggil untuk membela diri G bagi pertuduhan di bawah s. 16(b)(A) ASPRM tersebut. Kes ini untuk sebutan di mahkamah sesyen pada hari ini dan didengar oleh HMS yang sama.

[72] Rayuan perayu dibenarkan.

H

I